

# Hubungan kerjasama - KL-Abu Dhabi tiada batasan

## UAE nyatakan komitmen tinggi ganda pelaburan, perdagangan



**Abu Dhabi:** Emiriah Arab Bersatu (UAE) memberikan komitmen tinggi untuk menggandakan pelaburan dan perdagangan dua hala, selain menyatakan kesediaan untuk membantu Malaysia merealisasikan agenda pendigitalan pendidikan selaras dengan program Digital Malaysia (MyDIGITAL).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata dua perkara itu antara berita baik hasil perbincangannya dengan Putera Mahkota Abu Dhabi yang juga Timbalan Komander Tertinggi Angkatan Tentera UAE, Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan, di sini, kelmarin.

Muhyiddin berkata, pada pertemuan berkenaan, pemimpin UAE itu memberi petunjuk ke arah kerjasama tanpa batas (the sky is the limit) dalam perkara

yang dibincangkan membabitkan hubungan dua hala kedua-dua negara terutama pelaburan, perdagangan dan pendidikan.

Perdana Menteri berkata, UAE juga menyatakan komitmen tinggi untuk meningkatkan nilai dagangan dua hala sehingga lima kali ganda berbanding AS\$3 bilion pada masa ini.


“Jadi saya hendak faham apa maksud *the sky is the limit* dan apabila berbincang lanjut dan tunjukkan data jumlahnya, dalam perbincangan itu sebelum habis meminta supaya ia (perdagangan) dapat ditingkatkan, baginda sebut ‘setuju lima kali ganda’.

“Apa sahaja nombor (nilai) yang kita ada hari ini, jika ikut laporan AS\$3 bilion, ...ini akan ditingkatkan lima kali ganda tanpa disebut tempoh masa,” katanya pada sidang media dengan wartawan Malaysia pada hari akhir lawatan rasmi ke UAE, semalam.

Dalam lawatan ke UAE, Muhyiddin juga mengadakan pertemuan dengan Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum, Naib Presiden dan Perdana Menteri serta Pemerintah Dubai di Istana Zabeel, Dubai, kelmarin.

Hadir sama dalam kunjungan itu, Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Mengulas lanjut pertemuan dengan Syeikh Mohamed Zayed, Muhyiddin berkata, pada perbincan-



Muhyiddin mengadakan pertemuan dengan Sheikh Mohammed Rashid di Istana Zabeel, Rabu lalu. (FOTO BERNAMA)

ngan itu, Malaysia juga mengharapkan supaya jumlah pelaburan dari UAE dapat ditingkatkan dengan Putera Mahkota Abu Dhabi itu memberi komitmen ia akan dilakukan sama seperti pelaburan mereka di negara lain seperti China, India dan Pakistan.

Menganggap layanan diberikan pemimpin UAE berkenaan sebagai luar biasa, Muhyiddin berkata, reaksi itu menunjukkan Syeikh Mohamed Zayed dan UAE berminat secara mendalam untuk meningkatkan pelaburan di Malaysia seperti dalam bidang keselamatan makanan, elektrik, elektronik, minyak serta gas.

Perdana Menteri berkata, secara spesifiknya, bidang dikenal pasti adalah yang boleh menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat, khususnya ketika pandemik COVID-19 pada masa ini.

Muhyiddin berkata, pemimpin UAE itu juga memberi reaksi luar biasa untuk membantu sektor pendidikan di Malaysia, khususnya berkaitan dengan usaha pendigitalan pendidikan negara selain soal pengiktirafan sijil dan kerjasama antara universiti di Malaysia dan UAE.

Syeikh Mohamed Zayed prihatin dengan maklumat berkaitan kesan pandemik COVID-19 terha-

dap pelajar di Malaysia apabila sekolah terpaksa ditutup dan masalah ibu bapa yang kurang kemampuan menyediakan peralatan pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR).

“Saya kemukakan cadangan bahawa kita sedang rancang melaksanakan pendidikan digital selari dengan Pelan Digital Malaysia iaitu belajar secara dalam talian, tetapi hendak melaksanakan program itu akan membabitkan ramai, iaitu hampir enam juta pelajar perlu dibekal peralatan.

“Bagaimanapun, belum habis saya memberikan penerangan, baginda memberi reaksi ‘done’ (beres), jadi apabila baginda menyatakan demikian, saya rasa cukup istimewa dan lega yang berkemungkinan besar bahawa apa yang saya fikir dan rancang awal bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan hampir jadi kenyataan apabila Putera Mahkota kata beliau sanggup bantu,” katanya.

Malaysia menghargai komitmen itu kerana kemungkinan kos yang akan ditanggung kerajaan adalah antara RM3 hingga RM4 bilion.

Berikutan itu, katanya, pegawai pada peringkat kementerian akan diminta menyediakan butiran ter-

perinci yang turut membabitkan kandungan dan ekosistem ke arah pendigitalan pendidikan itu.

Pada masa sama, katanya, Sheikh Mohamed Zayed juga menyatakan minat untuk mempelajari pengalaman Malaysia dalam membantu usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menerima kesan COVID-19 menerusi pelbagai pakej rangsangan ekonomi.

“UAE tertarik dengan kaedah itu dan akan menghantar pegawai tinggi ke Malaysia untuk melihat bagaimana ia dilakukan dan bagaimana bantuan itu boleh selamatkan peniaga kecil,” katanya.

Pada lawatan rasmi berkenaan, Perdana Menteri turut bertemu dan mengadakan perbincangan dengan Timbalan Presiden UAE yang juga Perdana Menteri UAE dan Pemerintah Dubai, Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum serta Menteri Luar UAE, Sheikh Abdullah bin Zayed Al Nahyan.

Tiga memorandum persefahaman (MoU) dimeterai sempena lawatan itu iaitu penubuhan Kerjasama Diplomasi Keselamatan Makanan; mewujudkan Kursi Sheikh Zayed Al Nahyan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan Kerjasama Latihan Diplomat.